

01/12/1997

Bank ghairah minta margin ditegur

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur sesetengah bank yang ghairah membuat panggilan margin berlebihan walaupun diarah mengurangkannya kerana jika ekonomi negara merosot, bank pun akan turut terjejas.

"Kita sudah beri arahan jangan buat panggilan margin, tetapi kononnya mereka nak menjaga bank mereka.

"Tetapi percayalah kalau ekonomi negara kita merosot, bank pun akan merosot. Sebab itu mereka harus mengutamakan ekonomi negara dan bukan kepentingan diri mereka saja," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Jabatan Perdana Menteri di Taman Tasik Titiwangsa di sini hari ini.

Antara yang hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Dr Mahathir mengulas mengenai panggilan margin yang dilakukan oleh bank pada masa ini berikutan penurunan harga saham yang dibeli oleh pelabur melalui pembiayaan margin.

Pada 22 November lalu, Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN), berkata panggilan margin tidak akan disekat secara keseluruhan kerana tindakan seumpama itu akan membawa masalah kepada sektor perbankan.

Bagaimanapun, katanya, berikutan pasaran saham terus merosot, institusi kewangan perlu mengambil langkah lebih berhati-hati kerana sebarang keputusan boleh menimbulkan masalah, sama ada kepada bank atau pelanggan.

Panggilan margin adalah permintaan oleh broker atau bank terhadap pelanggan untuk meningkatkan marginnya atau simpanan yang diperlukan bagi menjalankan urusan niaga kerana potensi kerugian dijangka lebih besar berbanding jangkaan.

Disebabkan serangan manipulasi berterusan yang mengakibatkan kejatuhan mendadak dalam pasaran mata wang dan saham tempatan, pelabur menghadapi masalah berkaitan panggilan margin kerana nilai saham jatuh di bawah nilai cagaran pinjaman.

Dr Mahathir turut membidas segelintir rakyat yang tidak yakin terhadap nilai ringgit dengan menukarnya kepada dolar Amerika dan membuat simpanan di bank luar negara.

Sambil menyatakan tindakan itu boleh menurunkan nilai ringgit, Dr Mahathir berkata: "Sekarang ia bukan perkara asing, orang kita yang buat".

"Keadaan ekonomi sekarang lebih kukuh berbanding negara lain.

"Tetapi keadaan ini tidak berkekalan kalau kita tidak mahu patuh arahan kerajaan.

"Ada sesetengah orang yang tukar, ambil mata wang asing dan simpan pula di bank milik orang asing.

"Kerana takut jatuh (nilai ringgit) maka mereka tukar dengan wang asing dan simpan kadang-kadang di luar negara," katanya.

Ditanya sama ada golongan itu adalah tokoh korporat, beliau berkata: "Tak tahulah siapa. Anda tanya dialah."

Mengenai Hari Keluarga, katanya, program itu dapat mempererat hubungan melalui pertemuan keluarga dan sahabat di kalangan kakitangan sesebuah jabatan.

"Melalui perjumpaan ibu bapa, anak-anak dan kawan-kawan begini dapat membangunkan keluarga Jabatan Perdana Menteri (JPM)," katanya.

(END)